

## NOOR MOHAMAD SHAKIL HAMEED



**WALAUPUN SPR telah mengadakan pelbagai inisiatif untuk menggalakkan orang ramai mendaftar sebagai pemilih, masih ramai yang culas untuk melaksanakan tanggungjawab itu. - GAMBAR HIASAN/UTUSAN**

### 3.6 juta culas daftar rugikan negara

**S**ERAMAI 3.6 juta warganegara yang berusia 21 tahun ke atas dilaporkan belum mendaftar sebagai pemilih sehingga suku ketiga tahun lalu. Jelas ini adalah satu angka cukup signifikan yang boleh memberi kesan besar serta mampu mempengaruhi keputusan pilihan raya di negara ini.

Memandangkan Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) bakal diadakan pada bila-bila masa saja dari sekarang sudah semestinya laporan dari Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) ini meresahkan semua pihak. Ironinya, walaupun pihak SPR telah melakukan pelbagai inisiatif untuk menggalakkan orang ramai mendaftar sebagai pemilih masih ramai yang culas dan degil untuk melaksanakan tanggungjawab mereka terhadap negara.

Sepatutnya setiap warganegara mengambil peluang dan menggunakan segala ruang yang ada untuk menuaikan hak mereka dalam memilih wakil rakyat serta kerajaan yang mereka mahukan. Kita merasa pelik dan tertanya-tanya kenapa kelompok ini masih tidak mahu mendaftar walhal pendaftaran ini hanya sekali seumur hidup dan bukannya perlu mendaftar setiap tahun mahupun setiap pilihan raya malah mengundi pula hanya lima tahun sekali dan juga bukan kerap atau pun setiap tahun.

Jadi penulis rasa terpenggil untuk memberi respons apabila membaca antara faktor yang dikatakan mempengaruhi golongan ini untuk tidak mendaftar. Antaranya dikatakan mereka kurang kesedaran dan tidak mengetahui kepentingan untuk mendaftar menyebabkan mereka tidak mengambil berat dan mengabaikan tanggungjawab tersebut. Penulis cukup terkejut dengan alasan ini, malah pasti ramai tidak boleh menerima ini sebagai alasan untuk tidak mendaftar.

Ini kerana pihak SPR secara terus menerus melakukan pelbagai kempen untuk mencetuskan rasa kesedaran dalam kalangan rakyat jadi agak tidak munasabah kalau kita masih menggunakan ini sebagai alasan.

Penulis mahu bertanya kepada setiap 3.6 juta orang ini bagaimana lagi mahu mereka disedarkan? Jelas sikap acuh tak acuh menyebabkan mereka tidak peduli dan tidak endahkan segala kempen kesedaran yang sedang dijalankan.

Begitu juga dengan alasan tidak mengetahui kepentingan untuk mendaftar. Tolonglah jangan berbohong pada diri sendiri! Pada hari ini penulis cukup yakin pelajar sekolah pun boleh ceritakan kepentingan mendaftar dan mengundi dalam pilihan raya. Malah dari peringkat sekolah lagi telah diajar dan didedahkan dengan kepentingan ini. Jadi janganlah terus memberikan seribu satu alasan yang tidak logik dan kurang cerdas.

Faktor lain ialah sesetengah daripada mereka ini menyatakan tidak berminat mencampuri urusan politik dan lebih suka meluahkan perasaan melalui media sosial atau menyertai demonstrasi.

Alasan ini agak menarik untuk dikupas. Dalam konteks ini penulis merasakan golongan ini agak keliru antara tanggungjawab, hak dan minat tentang sistem pilihan raya dan juga persekitaran politik secara menyeluruh.

Pertama, mereka kena faham betapa mendaftar sebagai pemilih bukan bermaksud mendaftar menjadi ahli mana-mana parti politik dan ia juga tidak menyebabkan kita mencampuri urusan politik di mana-mana peringkat.

Kedua, ingatlah mendaftar hanya untuk melayakkan mendapat hak untuk mengundi dan undi itu adalah rahsia di mana kita bebas mengundi mana-mana calon mahupun parti yang kita yakin, selesa dan minat. Dan seterusnya tindakan ini hanya untuk membantu pembentukan kerajaan negeri mahupun persekutuan dan bukannya bersifat mencampuri urusan politik di peringkat parti mahupun kerajaan.

Satu lagi perkara menarik ialah perbuatan lebih suka dan selesa untuk meluahkan perasaan di media sosial serta menyertai demonstrasi. Ini adalah antara alasan klise golongan belia negara kita.

Untuk alasan ini penulis ingin bertanya apakah dengan cara ini kita dapat menyelesaikan semua masalah mahupun ketidakpuasan hati yang ada? Percayalah tindakan seperti ini lebih kepada perbuatan sia-sia, merugikan, tidak bijak serta membahayakan diri.

Negara kita ada undang-undang dan saluran yang betul untuk menyelesaikan sebarang masalah yang timbul dan sudah semestinya salah satu salurannya adalah melalui proses pilihan raya.

Jadi daripada menggunakan media sosial untuk melepaskan geram mahupun menyertai demonstrasi yang akhirnya tidak memberikan sebarang faedah, baik mendaftar sebagai pemilih dan mengundi ketika pilihan raya yang pastinya boleh menghadihkan impak dan perubahan yang diinginkan dalam suasana yang lebih selamat dan stabil.

Penulis juga merasa lucu apabila membaca laporan ada yang menggunakan alasan tidak mendaftar kerana tidak tahu bagaimana cara untuk mendaftar. Ini antara alasan yang langsung tidak masuk akal dan tidak bertanggungjawab sama sekali. Ini kerana pihak SPR dengan kerjasama semua media massa utama di negara ini sentiasa menghebahkan cara untuk mendaftar.

Jadi persoalannya, sekali lagi adakah alasan ini logik untuk diterima akal? Sikap tidak peduli, acuh tak acuh, tunggu dan lihat, malas dan ambil mudah menyebabkan mereka terus dengan seribu satu alasan.

Kepada golongan ini, bertindaklah dengan segera dan bijak sebelum nasi menjadi bubur. Jangan esok sudah kecurian baru hendak kunci pintu. Tunaikanlah hak dan tanggungjawab anda terhadap negara dan sedarlah sikap anda merugikan negara.

**PENULIS** ialah Timbalan Pendaftar Fakulti Kejuruteraan Universiti Putra Malaysia (UPM).